



14 JUL, 2023

Al-Baqarah, surah yang digeruni syaitan



Sinar Harian, Malaysia



MEREKA yang melazimkan Surah al-Baqarah dapat menghindari diri daripada anasir jahat seperti amalan sihir dan perbuatan jahat manusia

Selain membawa keberkatan dalam kehidupan Muslim, ia memuatkan beberapa hukum yang tidak disebutkan dalam mana-mana surah lain



Oleh NURULFATIHA MUAH

DALAM sebuah hadis masyhur, ada dinyatakan bahawa syaitan dan iblis akan bertempir lari dari rumah yang dibacakan Surah al-Baqarah.

Ya sebagaimana sabda Rasulullah SAW: "Jangan jadikan rumah kamu seperti kubur, sesungguhnya syaitan akan lari dari rumah yang dibaca di dalamnya surah al-Baqarah," [Hadis Riwayat at-Tirmizi]. Betapa agungnya surah berkenaan sehinggakan makhluk terkutuk itu 'gerun' dengannya. Sudah tentu ia memiliki keistimewaan tersendiri.

Apakah kelebihan yang ada pada surah berkenaan? Mengapa ia sering menjadi surah pilihan sebagai pelindung daripada iblis?

Puncak al-Quran

Menelusuri *asbabun nuzul* (sebab turunnya ayat), **Penolong Pendaftar Kanan Hal Ehwal Islam, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Kelantan, Ustazah Shalwati Ramli** menjelaskan, surah terpanjang dalam al-Quran itu diturunkan secara berperingkat dan bertahap selama sembilan tahun lamanya. Mengandungi 286 ayat, surah kedua

dalam al-Kitab itu sebahagian besarnya diturunkan di Madinah pada permulaan tahun Hijrah.

"Kecuali ayat 281, menurut riwayat masyhur, ia diturunkan di Mina pada Haji Wida' iaitu haji Nabi Muhammad SAW yang terakhir." Jadi, keseluruhan ayat dalam surah ini merupakan ayat Madaniyyah. Ia dinamakan al-Baqarah kerana mengandungi kisah berkaitan Bani Israel dengan Nabi Musa AS tentang penyembelihan lembu betina (menerusi ayat 67-74) yang kemudiannya mengelaskan sifat kaum Yahudi yang sangat keras hatinya," katanya kepada *Sinar Islam Plus*.



USTAZAH SHALWATI

Begitu istimewanya surah itu apabila ia turut terkenal dengan jolokan *Fusthaatul-Quran* iaitu puncak al-Quran dan yang tertinggi kedudukannya, ungkap beliau. Masakan tidak, penceramah itu menjelaskan, ini kerana surah tersebut memuatkan beberapa hukum yang tidak disebutkan dalam mana-mana surah yang lain.

"Bahkan, al-Baqarah juga dikenali sebagai surah *alif lam mim* kerana dimulakan dengan bait-bait huruf *hijaa'* berkenaan pada permulaan ayatnya," terangnya.

Jika mahu disingkap satu persatu, terlalu banyak perkara unggul tentang surah yang mengandungi ayat

terpanjang itu.

Salah satunya, jelas Ustazah Shalwati, ia membawa keberkatan dan keharmonian dalam kehidupan umat Islam.

Menambah ketakjuban *Sinar Islam Plus* apabila pendakwah itu memberitarkan bahawa al-Baqarah memberi keamanan kepada setiap rumah daripada gangguan syaitan!

Itu pun jika kita melazimkan diri membacanya setiap masa dan ketika.

"Tidak hairanlah jika surah ini dapat menghindarkan diri daripada anasir jahat seperti amalan sihir, khianat dan perbuatan jahat manusia. Bukan sekadar itu, setiap pembacanya akan dinaungi daripada kepanasan dan azab di padang masyhar kelak, sekali gus memberi syafaat kepada pengamalannya," hurainya panjang lebar.

Fadilat kepada pembaca

Sesungguhnya, Surah al-Baqarah bukan calang-calang. Banyak dalil yang memerihalkannya tentang keistimewanya.

Antaranya, ujar Ustazah Shalwati, kediaman yang sentiasa dipenuhi dengan bait-bait kalamullah berkenaan tidak akan dimasuki syaitan.

Abdullah bin Mas'ud berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "*Barang siapa yang membaca 10 ayat dari Surah al-Baqarah iaitu ayat satu hingga lima, ayat Kursi dan dua ayat berikutnya serta ayat 284 hingga 286, nescaya syaitan tidak akan memasuki rumahnya pada hari dan malam tersebut.*"

Di samping itu, katanya, begitu beruntungnya orang yang membaca al-Baqarah kerana malaikat akan sentiasa bersama dengan kelompok berkenaan.

Ia sebagaimana diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada al-Laits dan

daripada Usaid bin Hudhair yang menceritakan keadaan kudanya berputar-putar ketika beliau membaca surah berkenaan.

Tatkala bacaannya dihentikan, kuda tersebut kembali tenang.

Lantaran itu, beliau menceritakan perihal tersebut kepada

Rasulullah SAW dan baginda bersabda: "*Tahukah engkau apa itu?*" "*Tidak,*" jawabnya.

Baginda bersabda: "*Itulah malaikat yang mendekati dan mendengar suara bacaanmu.*

Seandainya kamu terus membacanya (sampai pagi), nescaya pagi ini manusia akan dapat melihatnya tanpa terhalang." (Hadis Riwayat al-Bukhari).

Bahkan, dalam satu riwayat lain yang masyhur, surah berkenaan begitu ampuh menjadi benteng daripada terkena sihir dan gangguan makhluk halus.

"Kepada individu yang menghafaz surah berkenaan pula, ketahuilah bahawa mereka akan memperoleh kedudukan yang sangat tinggi," ungkapnya.

Bilakah waktu terbaik membaca Surah al-Baqarah?


Menjawab persoalan itu, Ustazah Shalwati menjelaskan, seorang Muslim dibolehkan membacanya pada setiap hari, dua hari atau sebulan sekali.

"Pendek kata, tiada hari atau waktu khusus untuk membaca Surah al-Baqarah. Bahkan, kita boleh membacanya pada bila-bila masa.

"Cuma, suka saya kongsikan, terdapat beberapa pendapat mengenai waktu terbaik melazimkannya iaitu pada malam hari dan malam Jumaat serta mengamalkan ayat Kursi usai setiap solat fardu akan diberikan imbalan yang bukan calang-calang," ungkapnya.

>>BERSAMBUNG DI MUKA 20





14 JUL, 2023

Al-Baqarah, surah yang digeruni syaitan

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 3

Jiwa kosong, porak-peranda jika tinggal Surah al-Baqarah



BENTENGI diri dan kediaman kita dengan membaca Surah al-Baqarah.

BUKAN hanya 'orang biasa', Surah al-Baqarah turut menjadi pilihan para perawat Islam (mu'alim) dalam proses rawatan terutama bagi memulihkan mangsa gangguan makhluk halus.

Menurut **pendakwah Ustaz Ahmad Fuad Mohamad Mokhtar** atau lebih dikenali sebagai **Da'i Fuad**, surat tersebut diaplikasikan dalam mengendalikan kes seperti 'gangguan' dalam rumah tangga, premis kediaman, insiden kerasukan dan sebagainya.

"Tidak sedar itu, surah kedua dalam al-Quran ini juga begitu popular di rantau nusantara khususnya ketika ingin memagar rumah daripada gangguan makhluk halus," katanya kepada *Sinar Islam Plus*.

Semua itu begitu *tsabit* dengan sebuah hadis. Sabda Rasulullah SAW: "Jangan jadikan rumah kamu seperti kubur, sesungguhnya syaitan akan lari dari rumah yang dibaca di dalamnya Surah al-Baqarah." (Hadis Riwayat at-Tirmizi)

Menyambung hujah, Da'i Fuad yang turut memiliki kepakaran dalam rawatan Islam menjelaskan, betapa pentingnya Surah al-Baqarah kepada umat Islam apabila banyak dalil yang memerihalkan ia cukup efektif mendapatkan perlindungan ALLAH SWT dengan memuji-NYA berdasarkan bait-bait kalam suci berkenaan.

Antara dalilnya termasuklah hadis Rasulullah SAW: "Barang siapa yang membaca dua ayat terakhir dari Surah

al-Baqarah pada waktu malam, telah cukup baginya dengan keduanya." (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Dalam satu riwayat lain, ujar pendakwah itu, syaitan yang menyerupai manusia pernah meminta harta zakat daripada Abu Hurairah RA yang ketika itu diamankan menjaganya.

Kata Abu Hurairah: "Rasulullah SAW mewakilkan untuk menjaga zakat Ramadan, lalu datang kepadaku seseorang dan mengaut makanan. Aku memegangnya dan berkata: "Sesungguhnya aku akan melaporkanmu kepada Rasulullah SAW." Orang itu pun menceritakan apa yang berlaku, lalu berkata: "Apabila kamu ke tempat tidurnya, bacalah ayat Kursi, maka pemelihara daripada ALLAH akan sentiasa bersamamu, dan syaitan tidak akan mendekatimu sehingga Subuh."

Nabi Muhammad SAW bersabda: "Dia telah berkata benar kepadamu sementara dia adalah pendusta, dia itu ialah syaitan."

Bagi sesiapa yang meninggalkan surah berkenaan, kata Da'i Fuad, mereka pasti akan merasa kekosongan dalam kehidupan dan porak-peranda dalam 'perjalanan'.

"Masakan tidak, golongan itu tiada

pagar dan benteng kerana jiwa mereka kosong.

"Andai ini berlaku, masalah akan mula menginap hingga menyebabkan seseorang berada dalam kesulitan yang dahsyat. Maka sebab itulah kita tidak boleh tinggalkan surah yang begitu signifikan ini," terangnya.

Amalkan pendinding diri

Daripada 286 bait-bait dalam Surah al-Baqarah, ayat manakah yang boleh diamalkan sebagai pendinding diri daripada syaitan dan kejahatan sihir?

Menjawab tanda-tanya itu, Da'i Fuad menjelaskan, penggunaannya adalah secara konsensus.

"Andai tujuannya ingin memagar rumah, kita akan membaca surah berkenaan sebanyak tiga kali berturut-turut selama tiga hari. Jika masuk ke rumah baharu pula, maka kita akan baca keseluruhan ayat dalam surah tersebut dengan sempurna.

"Begitupun, sekiranya digunakan secara khusus, maka ada beberapa perbincangan berkaitan hal itu.

"Sebagai contoh, dalam sebuah hadis, ada dinyatakan bahawa sesiapa yang membaca 10 ayat dalam Surah al-Baqarah pada satu malam iaitu empat ayat terawal, ayat Kursi dan dua ayat berikutnya serta tiga ayat terakhir surah berkenaan, syaitan tidak akan masuk ke dalam rumah itu. Ia digunakan sememangnya untuk mencapai hajat tersebut," terangnya panjang lebar.

Jika matlamatnya untuk membentengi diri, maka Da'i Fuad mengesyorkan saranan daripada Shaikh Wahid Abdul Salam Bali dengan membaca ayat 102 dari Surah al-Baqarah.

"Ayat itu antara lain menceritakan bagaimana Nabi Sulaiman AS berjaya menjatuhkan kelompok yang cuba menjadi penguasa dalam kalangan syaitan untuk menentang serta mengajar orang ke arah kemungkarannya.

"Ia khususnya perihal bagaimana Nabi Sulaiman berjaya mengawal dan mentadbir urusan alam jin sehingga mereka gerun dengan Baginda," ungkapnya.


Kepada satu soalan lain, Da'i Fuad menjawab, mereka yang memasang rakaman atau radio yang memainkan Surah al-Baqarah untuk memagar rumah pada hakikatnya tidak memberikan implikasi tersebut.

"Ini kerana ia tidak sesuai dengan niat si pembaca ayat berkenaan. Pembaca itu membuat rakaman bagi tujuan berkenaan, bukan kerana untuk memagar kediaman.

"Justeru, jika ingin 'pagar' rumah, ia mesti diniatkan secara khusus, barulah akan memberikan kesan. Bagaimanapun, andai setakat ikhtiar, maka tiada masalah," katanya.



DA'I FUAD



14 JUL, 2023

Al-Baqarah, surah yang digeruni syaitan

Sinar Harian, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

MEREKA yang melazimkan Surah al-Baqarah dapat menghindari diri daripada anasir jahat seperti amalan sihir dan perbuatan jahat manusia

Selain membawa keberkatan dalam kehidupan Muslim, ia memuatkan beberapa hukum yang tidak disebutkan dalam mana-mana surah lain

DALAM sebuah hadis masyhur, ada dinyatakan bahawa syaitan dan iblis akan bertempiran lari dari rumah yang dibacakan Surah Baqarah.